

Bagi menjawab soalan (b), kes-kes jenayah komersil memerlukan elemen niat curang untuk pembuktian kes. Setiap laporan polis yang diterima akan dinilai dan diberikan klasifikasi berdasarkan fakta dan keterangan yang diperolehi. Hal yang sama digunakan untuk mengklasifikasikan kes-kes cek tidak laku itu sama ada mempunyai sebarang elemen niat curang yang menjadi suatu kesalahan di bawah peruntukan undang-undang. Setiap kes akan diputuskan berpandukan kepada fakta dan keterangan yang diperolehi secara “*case to case basis*”, untuk ditentukan sama ada wujud elemen niat curang atau sebaliknya. Sekiranya wujud *elemen niat curang*, siasatan akan dijalankan oleh pihak polis di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan atau akta-akta lain.

Kes-kes sambung bayar dan juga pajakan kereta ini sebenarnya melanggar peruntukan Akta Sewa Beli yang mana ianya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDKKK) dan tindakan boleh diambil terhadap pemilik kenderaan tersebut yang menyerahkan kenderaan untuk disambung bayar atau dipajak kepada pihak ketiga tanpa pengetahuan dan persetujuan daripada pihak bank.